

**Kerajaan Sabah Pandang Serius Isu Tanah NCR - Musa Aman
Bernama
12 Februari , 2012**

KOTA KINABALU, 12 Feb (Bernama) -- Kerajaan Sabah memandang serius terhadap isu Tanah Hak Adat Negeri (NCR) dan akan mencari penyelesaian terbaik yang menguntungkan semua.

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata mereka yang memberi respons kepada kenyataan Peguam Besar Negeri Sabah berhubung isu NCR itu tidak seharusnya berasa bimbang.

"Saya akan membawa perkara ini ke mesyuarat Kabinet negeri untuk dibincangkan dengan mendalam dan saya akan turut menjemput pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) untuk membincangkan isu ini," katanya dalam satu kenyataan.

Musa berkata kerajaan negeri akan mendapatkan pandangan kalangan perundangan terutamanya yang pakar dalam perkara berkaitan tanah.

"Apa yang penting ialah kita boleh duduk berbincang dan menyelesaikan isu ini serta mencari penyelesaiannya. Tiada perkara yang tidak dapat diselesaikan. Sehingga itu, tiada gunanya kita berdebat tentang hal ini menerusi media," katanya.

Beberapa pemimpin parti komponen BN termasuk Presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu Tan Sri Bernard Dompok dan Timbalan Presiden Parti Bersatu Sabah Datuk Seri Dr Maximus Ongkili tidak bersetuju dengan tafsiran Peguam Besar Negeri Sabah Datuk Roderic Fernandez berhubung peruntukan NCR dalam Ordinan Tanah Sabah (SLO) bahawa "tiada tanah NCR selepas 1930".

Pada Khamis, Fernandez dipetik sebagai berkata tiada tanah baru berstatus NCR akan diwujudkan memandangkan hanya tanah yang 'masih' diduduki oleh pribumi sebelum tarikh penguatkuasaan SLO yang mendapat pengiktirafan status itu.

Fernandez turut dipetik sebagai berkata tiada peruntukan di bawah SLO bagi pribumi untuk menduduki tanah selepas 1930 dan kemudian menuntut status NCR, dan "pihak yang menuntut NCR hari ini mesti menunjukkan bukti pendudukan tanah itu sebelum 1931".

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645127>